



FORMAT DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. OBJEKTIF

- 1.1. Inisiatif ini bertujuan meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia dengan mendorong penyertaan aktif menghiasi premis, kediaman, pejabat, sekolah, universiti, kenderaan dan pengangkutan awam, di samping memupuk rasa bangga terhadap Jalur Gemilang menerusi pendedahan dan penglibatan secara maksimum di platform digital dan media sosial Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN).

2. KUMPULAN SASARAN

- 2.1. Pertandingan ini terbuka kepada seluruh warganegara Malaysia.

3. TEMPOH PERTANDINGAN

- 3.1. Tarikh Pertandingan : 17 Julai hingga 10 September 2025
- 3.2. Tarikh Penilaian Pemenang : 11 September 2025
- 3.3. Pengumuman Pemenang: 16 September 2025

4. SYARAT PENYERTAAN

- 4.1. "Skuad Jalur Gemilang" akan memilih gambar terbaik setiap hari untuk dipaparkan di media sosial rasmi JAPEN dari 17 Julai sehingga 16 September 2025.
- 4.2. Semua peserta adalah tertakluk di bawah syarat dan terma pertandingan yang telah ditetapkan oleh pihak Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN).
- 4.3. Gambar yang dimuatnaik perlu mengikut saiz beresolusi tinggi iaitu tidak kurang daripada 300 dpi dan bersaiz 3.0 MB.

- 4.4. Penyertaan ini adalah tanpa sebarang kategori khusus. Penyertaan boleh dibuat secara individu atau organisasi termasuk rumah, premis, kediaman, pejabat, sekolah, universiti, bangunan agensi kerajaan/swasta dan kenderaan. Gambar yang dikemukakan bagi tujuan pertandingan ini mestilah foto asli yang diambil sendiri oleh peserta dan tidak melanggar hak-hak pihak ketiga (termasuk hak cipta).
- 4.5. Setiap peserta perlu menghias premis atau kenderaan masing-masing dengan Jalur Gemilang mengikut susunan dan kaedah pengibaran bendera yang betul sebagaimana ditetapkan oleh **Garis Panduan Pengibaran Jalur Gemilang** serta tidak boleh mengandungi sebarang elemen atau unsur-unsur negatif yang menyalahi undang-undang seperti yang termaktub dalam Akta 414 dan berdasarkan kandungan buku Menghormati Lambang-lambang Kebesaran Negara.
- 4.6. Gambar yang dimuat naik **tidak boleh mengandungi wajah individu** atau gambar orang awam. Hanya gambar premis/kenderaan yang dihias sahaja dibenarkan dan JAPEN berhak menggunakan foto-foto tersebut untuk tujuan promosi di media cetak/elektronik serta media sosial Jabatan Penerangan Malaysia.
- 4.7. Urus setia dan semua kakitangan JAPEN termasuk ahli keluarga tidak dibenarkan menyertai pertandingan ini.
- 4.8. Tiada had bilangan penyertaan sepanjang tempoh kempen.
- 4.9. Setiap peserta **perlu memuat naik gambar tersebut di akaun media sosial (Instagram)** dan:
- **Pastikan *privacy account*** ditetapkan kepada '**Public**'
 - **Tag akaun rasmi Merdeka360 (username: @merdeka360)**
 - **Wajib *follow*** akaun rasmi (Instagram) **@merdeka360**
 - Sertakan *hashtag* berikut dalam kapsyen:
 - **#JalurGemilangSquadChallenge**
 - **#1R1JG**
 - **#HKHM2025**

5. FORMAT PENYERTAAN

- 5.1. Gambar yang dimuat naik **tidak boleh mengandungi wajah individu** atau **gambar orang awam**. Hanya gambar premis/rumah/kenderaan yang dihias dengan Jalur Gemilang sahaja dibenarkan dan gambar mestilah disertakan dengan kapsyen bertemakan tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2025 yang kreatif tidak melebihi **20 patah perkataan**.
- 5.2. Hanya suntingan asas seperti pelarasan kecerahan, pemotongan, pelembutan dan penajaman gambar dibenarkan. Teknik cantuman gambar, *super impose* dan manipulasi imej sama sekali tidak dibenarkan.
- 5.3. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan atau menarik semula hadiah sekiranya gambar yang dihantar didapati **bukan hasil asli peserta** atau diambil daripada sumber sedia ada di internet.
- 5.4. Pengumuman pemenang akan dibuat melalui **portal rasmi Merdeka360** dan pemenang juga akan dimaklumkan melalui **mesej langsung (*direct message*)** di akaun Instagram masing-masing.
- 5.5. Finalis yang terpilih akan dihubungi untuk mengemukakan **fail asal gambar** dalam format **RAW atau JPEG beresolusi tinggi (300 dpi)** dengan saiz minimum **3.0 MB** bagi tujuan pengesahan kesahihan gambar.
- 5.6. **Keputusan panel juri adalah muktamad** dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.

6. HAK MILIK DAN PENGGUNAAN

- 6.1. Dengan penyertaan pertandingan ini, peserta secara automatik bersetuju bahawa **hak dan kebenaran kepada penganjur** untuk menggunakan gambar tersebut beserta maklumat berkaitan bagi tujuan **cetak semula, penerbitan, pameran, promosi, pemasaran dan komersial** atau perkhidmatan rasmi Kerajaan Malaysia meliputi media sosial, paparan luar dan *LED*.

- 6.2. Peserta bersetuju bahawa tidak mempunyai hak untuk pertimbangan tambahan atau nilai kewangan dan tidak akan membuat tuntutan lain atas sebarang sebab kepada pihak JAPEN.

7. PENAFIAN

- 7.1. Dengan menghantar gambar penyertaan kepada JAPEN, peserta **mengaku dan mengesahkan** bahawa semua elemen dalam karya tersebut adalah hasil asli dan **tidak melanggar hak cipta mana-mana pihak ketiga** atau undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.
- 7.2. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta didapati melakukan **plagiat atau melanggar hak cipta pihak ketiga**.
- 7.3. Pihak penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya, untuk **meminda terma dan syarat pertandingan** ini pada bila-bila masa sekiranya dianggap perlu.
- 7.4. Sekiranya berlaku sebarang perkara yang tidak dijangka, pihak penganjur berhak membuat keputusan yang **wajar dan munasabah** bagi memastikan kelancaran pertandingan.

8. HADIAH PERTANDINGAN

- 8.1. Hadiah merupakan Baucar Penginapan **2 Hari 1 Malam di Sunway Putra Hotel** Secara Percuma untuk 3 Pemenang bagi **tempoh sah laku 6 bulan**:
- **Hadiah Pertama**
Satu (1) penginapan *Deluxe Classic Room* dengan *Balcony* termasuk sarapan untuk 2 orang.
Sah dari 18 September 2025 hingga 18 Mac 2026.
 - **Hadiah Kedua**
Satu (1) penginapan *Deluxe Room* termasuk sarapan untuk 2 orang.
Sah dari 18 September 2025 hingga 18 Mac 2026.
 - **Hadiah Ketiga**
Satu (1) penginapan *Deluxe Room* termasuk sarapan untuk 2 orang.
Sah dari 18 September 2025 hingga 18 Mac 2026.

9. KRITERIA PEMARKAHAN

- 9.1. Penilaian dibuat berdasarkan pematuhan kepada syarat dan format pertandingan seperti yang telah ditetapkan.
- 9.2. Setiap penyertaan akan dinilai oleh Panel Juri Profesional dari pihak Jabatan Penerangan Malaysia (JAPEN) yang dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa Penghakiman.
- 9.3. Penekanan utama dalam penilaian adalah pada kreativiti hiasan berpandukan tatacara pemasangan Jalur gemilang dengan betul, kreativiti kapsyen, gambar Asli (bukan *AI generated*), *follow* akaun rasmi Instagram @merdeka360 serta *hashtag* yang ditetapkan. Kemahiran fotografi profesional bukan keutamaan, namun kualiti gambar tetap diambil kira dalam pemarkahan.
- 9.4. Keputusan panel hakim adalah muktamad dan sebarang bantahan tidak akan diterima.

Untuk pertanyaan lanjut, sila e-mel kepada kami di:

✉ jalurgemilang@inform.gov.my

Maklumat lanjut boleh didapati di www.merdeka360.my